

Hubungan antara Minda Keusahawanan dan Niat Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

The Relationship Between Entrepreneurial Mindset And Entrepreneurial Intentions Among Students From Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Nurul Safraa Abd Rani¹, Anim Zalina Azizan^{1*}

¹ Jabatan Pengurusan Teknologi, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

*Corresponding Author: animz@uthm.edu.my
DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2024.05.01.040>

Maklumat Artikel

Diserah: 31 Mac 2024
Diterima: 30 April 2024
Diterbitkan: 30 Jun 2024

Kata Kunci

Minda keusahawanan, niat keusahawanan, perniagaan

Abstrak

Keusahawanan memainkan peranan penting dalam memupuk pertumbuhan ekonomi, inovasi dan penciptaan peluang pekerjaan. Masalah sosial seperti kemiskinan, kehilangan tempat tinggal dan pengangguran juga boleh menyebabkan perbelanjaan pengguna terjejas serta membantutkan pertumbuhan ekonomi sekiranya jumlah usahawan berkurang. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap minda keusahawanan di kalangan pelajar dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, mengenal pasti tahap niat keusahawanan di kalangan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan juga untuk mengenal pasti hubungan antara minda keusahawanan dan niat keusahawanan di kalangan pelajar dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Kajian ini menggunakan teknik kuantitatif dalam menganalisis dan mendapatkan data dari responden. Populasi kajian ini adalah pelajar dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di kampus induk Parit Raja. Oleh itu, jumlah pensampelan adalah sebanyak 375 responden. Selain itu, analisis deskriptif dan analisis korelasi turut digunakan melalui aplikasi SPSS. Hasil kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pelajar UTHM khususnya dan dapatan kajian ini dapat mendorong niat keusahawanan supaya pelajar UTHM aktif dalam menyertai aktiviti keusahawanan.

Keywords

Entrepreneurial mindset, entrepreneurial intention, business

Abstract

Entrepreneurship plays an important role in fostering economic growth, innovation and job creation. Social problems such as poverty, homelessness and unemployment can also cause consumer spending to be affected and stunt economic growth if the number of entrepreneurs decreases. The objective of this study is to identify the level of entrepreneurial mindset among students from Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, to identify the level of entrepreneurial intention among

students at Universiti Tun Hussein Onn Malaysia and to identify the relationship between entrepreneurial mindset and entrepreneurial intention among students from Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. This study emphasizes the importance of an entrepreneurial mindset in fostering entrepreneurial intentions because students with a high entrepreneurial mindset are more inclined to venture into the field of entrepreneurship. This study uses quantitative techniques in analyzing and obtaining data from respondents. The population of this study is 14,833 students from Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) at Parit Raja. Therefore, the total sampling is 375 respondents. The results of the data analysis obtained by the respondents are in the form of numbers and statistical data. In addition, descriptive analysis and correlation analysis were also used through the SPSS application. The results of this study can be used as a reference for UTHM students in particular and the findings of this study can encourage entrepreneurial intentions so that UTHM students are active in participating in entrepreneurial activities.

1. Pengenalan Kajian

Bab ini dimulakan dengan menganalisis tentang latar belakang kajian berkaitan minda keusahawanan dan niat keusahawanan. Seterusnya, bahagian ini diuruti dengan pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan kesimpulan yang diterangkan secara ringkas mengenai data yang telah diperoleh untuk melakukan kajian yang lebih mendalam.

1.1 Latar Belakang Kajian

Usahawan merupakan tunjang utama ekonomi negara kerana usahawan memainkan peranan penting dalam memastikan pertumbuhan ekonomi negara meningkat, membasmi kemiskinan, menjana pendapatan, mewujudkan kekayaan dan menghasilkan peluang pekerjaan (Kouakou *et al.*, 2019). Hubungan antara minda keusahawanan dan niat keusahawanan merupakan sesuatu yang kompleks dan terdapat pelbagai aspek yang mempunyai implikasi yang signifikan terhadap bidang keusahawanan. Dengan memahami faktor yang membentuk niat individu untuk menjadi seorang usahawan dan ciri – ciri minda keusahawanan dapat mempengaruhi niat keusahawanan individu adalah penting untuk mewujudkan satu ekosistem keusahawanan yang menggalakkan inovasi, pertumbuhan ekonomi dan penciptaan pekerjaan baharu.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memperkenalkan modul baharu kursus keusahawanan untuk institusi pengajian tinggi (IPT), dalam mencapai matlamatnya untuk melahirkan lebih ramai graduan yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan. Menurut Pengerusi Felda kepada media, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, kursus keusahawanan wajib diambil setiap pelajar bagi dua hingga tiga jam kredit akan menawarkan pembelajaran teori sebanyak 40 peratus dan praktikal sebanyak 60 peratus. (Zanariah Abd Mutalib, 2017). Berdasarkan beberapa kajian lepas, niat keusahawanan pelajar meningkat selepas menyertai kursus atau program keusahawanan serta melibatkan diri dalam kelas perniagaan (Anwar & Saleem, 2019). Oleh yang demikian, modul baharu kursus keusahawanan yang diperkenalkan kepada pelajar IPT membolehkan pelajar untuk memperoleh latihan kemahiran dan pengurusan untuk meningkatkan pengetahuan tentang keusahawanan, menggalakkan pemikiran keusahawanan dan mendorong niat keusahawanan di kalangan mahasiswa dan mahasiswi.

Kemudian, individu yang mempunyai minda keusahawanan yang kuat mempunyai keupayaan yang lebih tinggi untuk mengenal pasti dan memanfaatkan peluang dan kesanggupan risiko adalah antara ciri – ciri minda keusahawanan yang dipercayai mempengaruhi niat keusahawanan. Oleh itu, dengan meneliti topik di dalam penyelidikan ini, pandangan tentang bagaimana minda keusahawanan mampu mempengaruhi niat keusahawanan pelajar dalam kalangan pelajar dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dapat diteliti dengan lebih mendalam.

Minda keusahawanan mencerminkan keupayaan untuk mengenal pasti dan mengeksploitasi peluang dalam bidang keusahawanan (Davis *et al.*, 2016). Minda keusahawanan ini boleh dibentuk melalui latihan atau pembelajaran melalui sokongan pendidikan keusahawanan (Schmidt & Ford, 2003). Oleh itu, melalui latihan dan pembelajaran kursus keusahawanan mampu untuk mempengaruhi mentaliti dan sikap seseorang, yang seterusnya meramalkan niat keusahawanan. Sehubungan dengan ini, mentaliti atau minda keusahawanan boleh bertindak sebagai pengantara antara niat keusahawanan dan pendidikan keusahawanan. Elemen yang terdapat dalam minda keusahawanan ialah keinginan untuk berjaya, berani mengambil risiko, toleransi ketidakpastian, bersikap optimistik, dan mempunyai kemahiran untuk mengesan peluang yang ada.

Pada era globalisasi ini, era pendigitalan semakin berkembang pesat di dalam bidang perniagaan. Usahawan perlu mengubah cara mereka berfikir supaya mereka boleh berhadapan dengan persaingan dan meningkatkan kecekapan operasi perniagaan. Mereka tidak boleh lagi bersikap tunggu dan lihat peluang (Hazwan Faisal Mohamad, 2021). Usahawan perlu bijak merebut peluang yang ada. Oleh itu, minda usahawan membentuk niat keusahawanan dalam proses membuat keputusan. Pelajar yang mempunyai ciri-ciri yang menunjukkan minda keusahawanan mempunyai kemungkinan untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya.

1.2 Pernyataan Masalah

Masalah sosial seperti kemiskinan, kehilangan tempat tinggal dan pengangguran boleh menyebabkan perbelanjaan pengguna terjejas serta membantutkan pertumbuhan ekonomi (Ayob & Mohd Shahren, 2023). Isu berkenaan masalah sosial yang melibatkan taraf hidup bukanlah perkara yang mudah untuk ditangani oleh seseorang mahupun kerajaan. Peningkatan kos taraf hidup akan memberikan impak yang besar kepada sesebuah perniagaan kecil atau besar kerana kos bahan mentah yang meningkat akan menyebabkan sukar seseorang individu untuk menceburi bidang perniagaan dan memasuki pasaran sedia ada. Sekiranya persekitaran seseorang itu terjejas oleh faktor tersebut, keinginan untuk menceburi bidang keusahawanan akan berkurang. Hal ini kerana, untuk memulakan sebuah perniagaan memerlukan modal yang tinggi untuk menyewa kedai, membeli peralatan dan sebagainya.

Satu kajian oleh Lladós-Masllorens & Ruiz-Dotras (2022) yang mengkaji kemahiran kewangan dan niat keusahawanan dalam kalangan wanita yang melanjutkan pelajaran di universiti telah mendedahkan bahawa peratusan wanita yang berminat dengan kerjaya keusahawanan adalah rendah berbanding lelaki. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan tentang kewangan memainkan peranan penting dalam meningkatkan aktiviti keusahawanan, meningkatkan kesedaran tentang peluang perniagaan dan dapat meningkatkan autonomi dan pendapatan mereka. Halangan seperti kekurangan akses kepada sumber dan sokongan sosial, serta norma budaya dan masyarakat boleh menghalang niat keusahawanan di kalangan kumpulan ini. Selain itu, satu lagi kajian oleh Cardella *et al.*, (2020) mendapati sokongan keluarga dan rangkaian sosial boleh memainkan peranan penting dalam membentuk niat keusahawanan, khususnya untuk wanita. Kajian itu juga mengenal pasti keperluan untuk sokongan dan sumber yang lebih besar untuk usahawan wanita, serta dasar untuk menangani norma budaya dan masyarakat yang menghalang wanita daripada meneruskan keusahawanan.

Oleh itu, untuk mencapai objektif kajian tahap minda keusahawanan di kalangan pelajar dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia ditentukan. Tambahan pula, tahap niat keusahawanan di kalangan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia juga ditentukan. Sehubungan itu, hubungan antara minda keusahawanan dan niat keusahawanan di kalangan pelajar dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dikenal pasti.

1.3 Kepentingan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti hubungan antara minda keusahawanan dan niat keusahawanan dalam kalangan pelajar dari UTHM. Hasil kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada pelajar UTHM secara amnya tentang tahap minda keusahawanan yang mendorong niat keusahawanan di kalangan pelajar. Hasil dapatan kajian dapat mendorong niat keusahawanan dari kalangan pelajar di UTHM untuk melibatkan diri secara aktif dalam bidang keusahawanan. Bukan itu sahaja, kajian ini turut membantu pelajar untuk memulakan perniagaan bagi meningkatkan taraf hidup dan mengatasi masalah pengangguran di kalangan graduan. Keinginan untuk menjadi seorang usahawan dapat dipupuk sejak dibangku sekolah lagi dengan menyertai program-program keusahawanan dan mengikuti kelas perniagaan dan keusahawanan.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada pelajar di kampus induk dari UTHM, Parit Raja, Johor. Minda keusahawanan ini terdiri daripada keinginan untuk berjaya, toleransi ketidakpastian, bersikap optimistik, berani mengambil risiko dan kemahiran mengesan peluang. Kajian ini hanya melibatkan pelajar kampus induk dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang terletak di Parit Raja, Johor. Fakulti di Parit Raja terdiri daripada enam fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional (FPTV) dan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM). Tambahan pula, kajian ini melibatkan kaedah kuantitatif dengan mengumpul data dan maklumat melalui borang soal selidik yang diedarkan secara atas talian menggunakan *Google Form* dan kod *Quick Response* (QR).

2. Kajian Literatur

2.1 Niat Keusahawanan

2.1.1 Definisi Niat Keusahawanan

Niat keusahawanan boleh didefinisikan sebagai keyakinan diri sendiri oleh seseorang bahawa mereka berhasrat untuk memulakan usaha perniagaan baharu dan secara sedar merancang untuk berbuat demikian pada masa akan datang (Thompson, 2009). Keyakinan diri amat penting untuk memulakan perniagaan kerana usahawan baharu perlu bersaing dengan perniagaan sedia ada yang telah mempunyai pelanggan tetap. Galakan daripada ahli keluarga seperti ibu dan ayah amat penting untuk seorang usahawan meneroka potensi dan bakat berniaga. Niat keusahawanan ialah sikap subjektif individu terhadap kesanggupan untuk memulakan perniagaan sendiri, yang merangkumi “kesediaan untuk meneroka” keadaan mental dan kecenderungan tingkah laku (Krueger *et al.*, 2000). Setiap perniagaan memerlukan modal kewangan untuk memulakan perniagaan, kesanggupan untuk mengumpul modal kewangan dan kesediaan mental dalam menghadapi kemungkinan bahawa perniagaan yang diusahakan bakal menuju kegagalan adalah salah satu ciri penting dalam niat keusahawanan seseorang.

Menurut DeNoble *et al.*, (1999), niat keusahawanan adalah kecenderungan usahawan dalam kognisi intrinsik, keutamaan dan tingkah laku untuk mencipta perniagaan baharu. Kesimpulannya, niat keusahawanan merupakan keinginan, kesanggupan, kecenderungan dan hasrat seseorang untuk memulakan perniagaan. Niat keusahawanan adalah faktor pendorong di sebalik inovasi dan kemajuan ekonomi. Ciri-ciri peribadi, rangkaian sosial, pendidikan, dan kepercayaan budaya semuanya mempunyai kesan ke atas kecenderungan keusahawanan. Niat keusahawanan boleh dipupuk melalui program pendidikan, latihan, serta sokongan inisiatif kerajaan. Namun, niat semata-mata tidak menjamin tindakan seseorang untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya tanpa sebarang usaha dan tindakan.

2.1.2 Teori Niat Keusahawanan

Teori berkaitan niat keusahawanan yang digunakan ialah *Theory of Reasoned Action (TRA)* atau dalam istilah Bahasa Melayu adalah Teori Tindakan Alasan. Teori ini telah diperkenal oleh Ajzen dan Fishbein pada tahun 1967 menjelaskan tentang perilaku manusia. Menurut teori ini, kepercayaan, sikap, niat dan tingkah laku akan mendorong kepercayaan kepada sikap, dan sikap akan mendorong kepada niat dan tingkah laku seseorang. Bukan itu sahaja, keyakinan seseorang turut memberikan kesan kepada sikap dan tingkah laku dalam membuat keputusan. Oleh yang demikian, model ini menunjukkan bahawa niat dan kepercayaan seseorang boleh dipengaruhi oleh faktor luar.

2.1.3 Kajian lepas Niat Keusahawanan

Berdasarkan kajian lepas oleh Esfandiar *et al.*, (2019), persekitaran keusahawanan yang tidak berkualiti mungkin menyebabkan pelajar menganggap bahawa keusahawanan bukan bidang kerjaya yang sesuai, walaupun mereka mempunyai persepsi yang tinggi terhadap keberkesanan diri dan kecenderungan mengambil risiko. Bukan itu sahaja, menurut kajian yang dilakukan oleh Longobardi *et al.*, (2023) tentang hubungan antara pendidikan keusahawanan dan niat keusahawanan di kalangan pelajar kolej yang memfokuskan kepada peranan pengantara minda keusahawanan serta peranan motivasi menunjukkan niat keusahawanan boleh dipengaruhi oleh faktor tersebut. Dari segi pembelajaran, motivasi intrinsik menyederhanakan secara positif hubungan antara kehadiran kurikulum dan niat/minda keusahawanan, manakala motivasi ekstrinsik menyederhanakannya secara negatif.

Selain itu, berdasarkan dapat kajian yang dilakukan oleh pengkaji (Israr & Saleem, 2018), jantina, latar belakang keluarga, pendidikan keusahawanan, extraversi, kerelaan, dan keterbukaan terhadap pengalaman menunjukkan hasil yang positif manakala umur, gred sebelumnya, dan neurotikisme menunjukkan hubungan negatif dengan niat keusahawanan. Kajian ini memenuhi keperluan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang memainkan peranan penting dalam mempengaruhi minda keusahawanan pelajar. Ini adalah kajian terbaru dengan faktor yang dipilih dalam konteks pelajar universiti di Itali. Selain itu, terdapat juga kajian tentang mengkaji kesan ciri peribadi, pengalaman keusahawanan terdahulu, persekitaran luaran, norma sosial dan persepsi kemungkinan ke atas niat keusahawanan melalui persepsi positif dan negatif terhadap keusahawanan. Hasil kajian menunjukkan kajian tentang pengalaman keusahawanan terdahulu, persekitaran luaran dan persepsi. Kebolehlaksanaan adalah tiga pembolehubah tidak bersandar yang secara signifikan mempengaruhi persepsi positif terhadap keusahawanan dan seterusnya, ia mempunyai kesan tidak langsung secara positif terhadap niat keusahawanan. Sebaliknya, persepsi kebolehlaksanaan dan sifat peribadi secara signifikan mempengaruhi persepsi negatif terhadap keusahawanan dan memberikan kesan negatif secara tidak langsung ke atas niat keusahawanan (Ngoc Khuong & Huu An, 2016).

Akhir sekali, kajian lepas turut mengkaji faktor – faktor internal berkaitan niat keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti lebih berkemungkinan mempunyai sikap yang lebih tinggi terhadap tingkah laku, ciri

personaliti, kawalan tingkah laku dan motivasi peribadi. Sifat personaliti seseorang mempunyai korelasi dengan kawalan tingkah laku yang dirasakan, sikap terhadap tingkah laku pula menunjukkan korelasi positif. Kesemua pemboleh ubah ini mempunyai korelasi yang positif dan ketara terhadap faktor – faktor niat keusahawanan (Singh, 2015).

2.2 Minda Keusahawanan

2.2.1 Definisi Minda Keusahawanan

Menurut Kamus Cambridge, minda didefinisikan sebagai cara seseorang itu berfikir dan pandangan seseorang dalam membuat sebarang keputusan atau sebarang pertimbangan. Minda keusahawanan mencerminkan keupayaan untuk mengenal pasti dan mengeksploitasi peluang dalam bidang keusahawanan (Davis *et al.*, 2016). Definisi minda keusahawanan adalah berdasarkan tiga perkara iaitu keupayaan untuk merasakan, keupayaan untuk bertindak dengan pantas, dan keupayaan untuk menggembleng sumber walaupun dalam keadaan yang sukar dan tidak menentu (McGrath & MacMillan, 2000). Minda keusahawanan merujuk kepada keadaan minda yang mengubah status individu menjadi seorang usahawan. Oleh itu, seseorang individu menjadi seorang usahawan berkat keadaan mindanya yang membolehkan seseorang mempunyai kemahiran mengesan peluang yang ditawarkan. Minda keusahawanan turut dipengaruhi oleh jangkaan, identiti keusahawanan, dan efikasi sendiri (Pfeifer *et al.*, 2016). Berdasarkan kajian pengkaji yang lain, minda keusahawanan merupakan keupayaan untuk melihat, bertindak dan mampu bergerak dalam situasi yang tidak jelas (Haynie *et al.*, 2010). Oleh yang demikian, minda keusahawanan merupakan cara dan keupayaan berfikir seorang yang bercirikan keusahawanan. Hal ini kerana, seorang usahawan seharusnya mempunyai minda yang aktif untuk merebut peluang dan sentiasa berfikiran kreatif dan inovatif dalam memulakan perniagaan.

2.2.2 Teori Minda Keusahawanan

Menurut teori daripada (Dweck Ellen L Leggett *et al.*, 1988), individu boleh sama ada mempunyai minda yang tetap atau minda pertumbuhan sahaja. Individu yang memiliki minda tetap menjadikan seseorang itu mempunyai keyakinan dan kepercayaan terhadap pemikiran dan prinsipnya kerana ia tidak boleh diubah. Manakala, minda pertumbuhan berkaitan dengan kepercayaan bahawa individu mampu melakukan perubahan dan mengembangkan tahap minda melalui usaha sendiri. Secara ringkasnya, minda pertumbuhan membayangkan usaha peribadi yang mungkin ada pada setiap individu untuk mencapai perubahan dan pertumbuhan. Bukan itu sahaja, seseorang yang mempunyai keyakinan yang rendah dan pemikiran yang tetap akan menghasilkan prestasi yang rendah kerana mengalami cabaran dalam bentuk corak tingkah laku, perasaan dan pemikiran yang tipikal. Manakala, seseorang yang mempunyai minda pertumbuhan percaya bahawa dia boleh berjaya menghadapi cabaran sebagai satu proses pembelajaran untuk meningkatkan prestasi diri (Johnson, n.d.).

2.2.3 Kajian Lepas Minda Keusahawanan


Berdasarkan kajian lepas oleh (Longobardi *et al.*, 2023), terdapat lima faktor utama dalam mengenal pasti minda keusahawanan yang merujuk kepada beberapa kajian lepas. Faktor yang pertama ialah keinginan untuk berjaya. Analisis statistik mendedahkan bahawa keperluan untuk pencapaian adalah penentu yang paling ketara bagi potensi keusahawanan (Zeffane, 2013). Seterusnya, toleransi kekaburan dan kewaspadaan terhadap peluang diukur terhadap empat item yang dibangunkan oleh Geller *et al.* (1993) dan kewaspadaan terhadap peluang diukur pada empat item yang dibangunkan oleh Tang *et al.* (2012). Manakala, kecenderungan mengambil risiko dan kemahiran mengesan peluang diukur melalui tiga item yang dibangunkan oleh (Hung *et al.*, 2012) dan (Crane, 2014). Oleh itu, satu hipotesis dibina seperti yang berikut:

H1: Minda keusahawanan mempunyai hubungan yang signifikan ke arah niat keusahawanan dalam kalangan pelajar dari UTHM.

Ho: Minda keusahawanan mempunyai hubungan yang tidak signifikan ke arah niat keusahawanan dalam kalangan pelajar dari UTHM.

2.3 Kerangka Konseptual

Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual yang terdiri daripada pemboleh ubah tidak bersandar iaitu minda keusahawanan dan pemboleh ubah bersandar iaitu niat keusahawanan. Terdapat 5 faktor minda keusahawanan yang mempunyai hubungan dengan niat keusahawanan seperti yang ditunjukkan pada rajah di bawah.



Rajah 1 Kerangka konseptual

3. Metodologi Kajian

3.1 Reka Bentuk Kajian

Pendekatan kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik digunakan untuk reka bentuk kajian. Menurut Sekaran & Bougie (2016), borang soal selidik merupakan salah satu kaedah yang terbaik untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dan mengukur pemboleh ubah yang dikenal pasti. Bukan itu sahaja, menurut Slevitch (2011), penyelidikan dengan menggunakan kaedah kuantitatif dianggap inkuri yang teratur kerana pengumpulan data berangka, pelaksanaan statistik dan teknik pengiraan. Selain itu, hasil analisis data yang diperoleh oleh responden adalah dalam bentuk nombor dan data statistik. Oleh yang demikian, pendekatan kuantitatif digunakan untuk memudahkan urusan penyelidikan secara berkesan dan sistematik.

3.2 Populasi dan pensampelan Kajian

Kajian ini melibatkan semua pelajar kampus induk di peringkat Ijazah Sarjana Muda dari Univerisiti Tun Hussein Onn Malaysia. Populasi pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda dari kampus induk UTHM adalah seramai 14,833 pelajar yang meliputi pelajar tahun satu hingga tahun empat dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional (FPTV) dan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM). Kaedah pensampelan bertujuan digunakan sebagai prosedur persampelan. Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan, jumlah sampel kajian untuk pelajar dari UTHM daripada tahun 1 hingga tahun 4 di UTHM ialah 375. Hal ini kerana pensampelan bertujuan merujuk kepada kaedah di mana penyelidik sengaja memilih peserta berdasarkan ciri atau kriteria tertentu yang relevan dengan matlamat kajian. Pendekatan ini sering digunakan apabila penyelidik bertujuan untuk memeriksa subkumpulan tertentu dalam populasi yang mempunyai ciri-ciri utama yang diminati (Tongco, 2007).

3.3 Instrumen Kajian

Borang soal selidik menggunakan platform *Google Form* merupakan instrumen yang digunakan dalam kajian ini diedarkan secara atas talian. Instrumen kajian ini diedarkan kepada responden dari kampus induk Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Borang soal selidik yang disediakan mempunyai tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A merangkumi soalan berkaitan demografi responden seperti jantina, umur, status perkahwinan, dan bangsa. Seterusnya, Bahagian B terdiri daripada 20 soalan berkaitan minda keusahawanan, manakala Bahagian C terdapat 5 soalan tentang niat keusahawanan di kalangan pelajar. Soal selidik menggunakan skala Likert lima mata pada Bahagian B dan Bahagian C.

3.4 Kebolehpercayaan dan Kesahan

Dalam bahagian ini, kebolehpercayaan dan kesahan instrumen kajian kuantitatif diterangkan. Kebolehpercayaan, merujuk kepada kestabilan instrumen pengukuran, dinilai menggunakan nilai Cronbach's Alpha. Sejumlah 16 responden yang memahami dengan baik soalan dan arahan kajian rintis digunakan untuk memastikan kejelasan dan konsistensi instrumen. Hasil nilai Cronbach's Alpha yang dijelaskan dalam Jadual 1 menunjukkan kebolehpercayaan yang sangat baik, dengan nilai di antara 0.80 hingga 0.90.

Seterusnya, kesahan kajian dikaitkan dengan sejauh mana pengukuran yang dilakukan sesuai dan konsisten dengan kajian-kajian sebelumnya. Kesahan serentak diterangkan sebagai kemampuan instrumen menghasilkan hasil yang konsisten dengan pengukuran lain yang diiktiraf. Dalam konteks minda keusahawanan dan niat keusahawanan, kesahan serentak dinilai dengan membandingkan keputusan alat penilaian dengan skala lain yang telah disahkan. Korelasi yang kukuh dan signifikan menunjukkan kesahan serentak instrumen kajian. Jadi, hasil

analisis kebolehpercayaan dan kesahan memberikan keyakinan terhadap kesahihan dan kebolehpercayaan instrumen dalam mengukur minda keusahawanan dan niat keusahawanan dalam kalangan pelajar UTHM.

Jadual 1 Nilai dan tafsiran Cronbach's Alpha

Nilai Cronbach's Alpha	Tafsiran
<0.6	Lemah
0.6 hingga < 0.7	Sederhana
0.7 hingga < 0.8	Baik
0.8 hingga < 0.9	Sangat Baik
0.9	Cemerlang

3.5 Pengumpulan Data

Dalam pengumpulan data untuk kajian ini, terdapat dua cara utama yang digunakan. Pertama, pengkaji mengumpul data primer, iaitu data yang diperoleh secara langsung dari responden menggunakan borang soal selidik. Kaedah ini memastikan data yang diperoleh adalah sahih dan boleh dipercayai tanpa mengungkapkan maklumat sensitif. Kedua, pengkaji juga menggunakan data sekunder, iaitu maklumat yang telah wujud sebelum ini dari sumber lain seperti buku, artikel jurnal, dan laporan tesis. Data sekunder membantu sebagai sumber rujukan dan juga membentuk asas untuk dibandingkan dengan data primer yang diperoleh. Penggunaan kedua-dua kaedah ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang komprehensif untuk analisis kajian ini.

3.6 Analisis Data

Dalam penyelidikan ini, data ditafsirkan dengan menggunakan analisis data kuantitatif atau analisis statistik. Penggunaan kaedah berkomputer dan statistik yang menumpukan sepenuhnya kepada analisis pengiraan berangka set data. Dalam kajian ini, ujian analisis statistik dijalankan dengan menggunakan aplikasi *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) untuk menilai dan menganalisis data yang diperoleh dengan menjamakkan masa pengkaji. Penyaringan data dilakukan menggunakan analisis kebolehpercayaan untuk mengenal pasti nilai yang hilang. Seterusnya, analisis deskriptif dilakukan untuk menganalisis min dan sisihan piawai bagi setiap demografi responden serta menganalisis setiap item bagi pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar bagi mengenal pasti objektif pertama dan objektif kedua iaitu tahap minda keusahawanan dan tahap niat keusahawanan di kalangan pelajar UTHM. Kemudian, analisis normaliti akan dilakukan menggunakan dua kaedah iaitu secara visual dan secara statistik. Kaedah secara visual adalah menggunakan histogram dan plot Q - Q, manakala analisis statistik menggunakan analisis Skewness dan Kurtosis beserta dengan analisis Kolmogorov - Smirnov dan Shapiro - Wilk. Ujian normaliti menunjukkan data tidak normal. Oleh itu analisis Spearman's rho dilakukan. Analisis korelasi ini ialah proses mengaplikasikan korelasi statistik untuk mengkaji hubungan antara minda keusahawanan dan niat keusahawanan dari kalangan pelajar UTHM.

3.7 Rumusan

Kajian ini menerapkan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik untuk mengumpul data dari 375 pelajar Ijazah Sarjana Muda di UTHM. Instrumen kajian terbahagi kepada tiga bahagian yang melibatkan demografi responden, minda keusahawanan, dan niat keusahawanan. Analisis kebolehpercayaan menggunakan nilai Cronbach's Alpha menunjukkan kebolehpercayaan yang sangat baik. Data dikumpul melalui dua cara, iaitu data primer dari responden dan data sekunder dari sumber-sumber yang sedia ada. Proses pengumpulan data dan analisis statistik dilakukan menggunakan perisian SPSS, termasuk ujian untuk min dan sisihan piawai, normaliti data, dan hubungan antara minda keusahawanan dan niat keusahawanan melalui ujian korelasi Spearman's rho. Hasil kajian memberikan pemahaman yang sistematik mengenai faktor-faktor ini dalam konteks pelajar UTHM.

4. Analisis Data dan Dapatan Kajian

4.1 Analisis Kebolehpercayaan

Jadual 2 menunjukkan nilai Cronbach's Alpha untuk kajian rintis dan kajian sebenar. Nilai kebolehpercayaan bagi kajian rintis adalah lebih tinggi berbanding kajian sebenar. Walau bagaimanapun, tahap kepercayaan untuk kajian sebenar berada pada tahap sangat baik dan cemerlang.

Jadual 2 Rumusan ujian kebolehpercayaan

Pembolehubah	No. Item	Kajian Rintis	Kajian Sebenar	Tahap Kebolehpercayaan
Keinginan untuk berjaya	5	0.869	0.883	Sangat Baik
Toleransi ketidakpastiaan	4	0.863	0.838	Sangat Baik
Bersikap optimistik	3	0.881	0.832	Sangat Baik
Berani mengambil risiko	3	0.946	0.852	Sangat Baik
Kemahiran mengesan peluang	4	0.951	0.891	Sangat Baik
Niat keusahawanan	5	0.957	0.931	Cemerlang
Jumlah Keseluruhan	24	0.911	0.871	Sangat Baik

4.2 Latar Belakang Responden

Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis latar belakang responden seperti jantina, umur, status perkahwinan, bangsa dan fakulti seperti Jadual 3. Analisis dari kaedah frekuensi dan peratusan digunakan untuk menganalisis latar belakang responden.

Jadual 3 Taburan responden

Ciri - ciri	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	128	34.1
	Perempuan	247	65.9
Status Perkahwinan	Bujang	355	94.7
	Berkahwin	20	5.3
Umur	18 - 24	339	90.4
	25 - 28	33	8.8
	29 dan ke atas	3	.8
Bangsa	Melayu	290	77.3
	Cina	59	15.7
	India	20	5.3
	Lain - lain	6	1.6
Fakulti	Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB)	55	14.7
	Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE)	47	12.5
	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP)	45	12.0
	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP)	155	41.3
	Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional (FPTV)	45	12.0
	Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM)	28	7.5

4.3 Analisis Deskriptif Tahap Minda Keusahawanan

Jadual 4 di bawah menunjukkan nilai min dan sisihan piawai untuk tahap minda keusahawanan yang terdiri daripada 5 item iaitu keinginan untuk berjaya (KUB), toleransi ketidakpastian (TK), bersikap optimistik (BO), berani mengambil risiko (BMR), kemahiran mengesan peluang (KMP) dan niat keusahawanan (NK) Berikut merupakan min dan sisihan piawai untuk setiap pemboleh ubah.

Nilai purata atau min tertinggi pada item KUB1 (4.67) menunjukkan bahawa responden cenderung sentiasa berusaha untuk melakukan yang terbaik, sama ada dalam situasi bersendirian atau berkumpulan. Sebaliknya, min

terendah pada item KUB5 (4.50) menunjukkan bahawa mungkin ada sedikit kurang tekanan diri untuk mencapai matlamat tertentu. Seterusnya, nilai tertinggi pada item TK4 (4.68) menunjukkan bahawa responden cenderung memberi nilai tinggi kepada tugas yang jelas dan dapat dilaksanakan dengan baik. Di sisi lain, nilai min terendah pada item TK1 (4.44) menunjukkan bahawa ada sedikit kegelisahan jika tanggungjawab tugas tidak jelas. Kemudian, item BO3 dengan nilai min tertinggi (4.60) menunjukkan optimisme responden terhadap masa depan. Sebaliknya, nilai purata terendah pada item BO1 (4.58) menunjukkan optimisme yang lebih rendah dalam situasi yang tidak menentu manakala, responden menunjukkan kecenderungan untuk berani mengambil risiko, terutamanya pada item BMR2 (4.63) yang menunjukkan responden suka menunggu sehingga sesuatu telah diuji sebelum saya mencubanya. Sementara itu, nilai terendah pada item BMR1 (4.56) menunjukkan responden cenderung mengambil peluang walaupun berkemungkinan akan gagal. Selain itu, nilai min tertinggi pada item kemahiran mengesan peluang adalah KMP2 (4.66) menunjukkan kemahiran tinggi dalam mencari maklumat dan interaksi dengan orang lain untuk memperoleh pengetahuan baru. Nilai min terendah pada item KMP4 (4.59) menunjukkan bahawa responden mungkin agak kurang yakin dalam membezakan peluang yang menguntungkan dan yang tidak menguntungkan.

Akhir sekali, nilai min bagi pemboleh ubah bersandar iaitu niat keusahawanan menunjukkan keinginan yang tinggi untuk memulakan perniagaan sendiri, khususnya pada item NK1 (4.48) yang menunjukkan minat yang kukuh. Sebaliknya, nilai purata terendah pada item NK3 (4.22) menunjukkan niat yang agak rendah untuk menubuhkan perniagaan sendiri. Kesemua nilai ini memberikan pemahaman terperinci tentang kecenderungan dan kekuatan minda keusahawanan dalam kalangan responden kajian.

Jadual 4 Min dan sisihan piawai soal selidik

Kod	Item Soalan	Min	Sisihan Piawai
KUB1	Saya sentiasa melakukan yang terbaik sama ada saya sedang bersendirian atau dengan seseorang.	4.67	0.755
KUB2	Saya sentiasa berusaha keras untuk memperbaiki prestasi diri.	4.60	0.817
KUB3	Saya seronok bekerja ke arah matlamat yang jelas dan matlamat yang mencabar.	4.63	0.807
KUB4	Secara umumnya, saya memetingkan masa kerana setiap minit itu berharga.	4.55	0.819
KUB5	Saya tidak pernah memberi tekanan kepada diri sendiri untuk mencapai sesuatu tujuan.	4.50	0.930
TK1	Jika saya tidak pasti tentang tanggungjawab yang terlibat dalam tugas, saya akan masih terasa tenang.	4.44	1.014
TK2	Ia tidak mengganggu saya apabila saya tidak dapat mengikuti aliran pemikiran orang lain.	4.52	0.922
TK3	Sebelum melakukan apa – apa tugas, penting bagi saya untuk tahu berapa lama masa yang diambil untuk menyiapkan tugas	4.62	0.812
TK4	Tugas yang baik ialah tugas di mana apa yang perlu dilakukan dan bagaimana ia perlu dilakukan adalah jelas.	4.68	0.731
BO1	Dalam situasi yang tidak menentu, saya akan menjangkakan yang terbaik.	4.58	0.840
BO2	Saya sentiasa optimistik tentang masa depan saya.	4.62	0.792
BO3	Secara amnya, saya sentiasa menjangkakan perkara yang baik untuk berlaku dalam hidup saya berbanding perkara buruk.	4.60	0.844
BMR1	Saya suka mengambil peluang, walaupun saya gagal	4.56	0.863
BMR2	Saya suka menunggu sehingga sesuatu telah diuji sebelum saya mencubanya.	4.63	0.790
BMR3	Saya mencari pengalaman baru walaupun hasilnya mungkin berisiko.	4.60	0.821
KMP1	Saya mempunyai interaksi yang kerap dengan orang lain untuk memperoleh maklumat baru.	4.60	0.811
KMP2	Saya berminat untuk mencari maklumat.	4.66	0.721

KMP3	Saya dapat mengenali pautan antara nampaknya maklumat yang tidak berkaitan.	4.63	0.751
KMP4	Saya boleh membezakan antara peluang yang menguntungkan dan peluang yang tidak menguntungkan	4.59	0.864
NK1	Saya berminat untuk memulakan perniagaan sendiri.	4.48	0.983
NK2	Saya telah mempertimbangkan untuk menubuhkan perniagaan sendiri.	4.43	1.021
NK3	Saya sedang bersedia untuk menubuhkan perniagaan saya sendiri.	4.22	1.209
NK4	Saya akan cuba yang terbaik untuk menubuhkan perniagaan.	4.44	1.068
NK5	Saya akan menubuhkan perniagaan saya secepat mungkin.	4.26	1.179

4.4 Statistik Deskriptif min Keseluruhan

Berdasarkan statistik deskriptif min keseluruhan berdasarkan Jadual 5 berikut, nilai min dikira dengan menambah semua angka dalam set data dan kemudian membahagikan dengan bilangan angka dalam set. Min keseluruhan keinginan untuk berjaya ialah 4.59 ($\sigma = 0.68$), min keseluruhan toleransi ketidakpastian ialah 4.56 ($\sigma = 0.72$), min keseluruhan bersikap optimistik ialah 4.60 ($\sigma = 0.72$), min keseluruhan kemahiran mengesan peluang ialah 4.62 ($\sigma = 0.68$) dan yang terakhir ialah min keseluruhan untuk niat keusahawanan ialah 4.37 ($\sigma = 0.97$).

Jadual 5 Min keseluruhan pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar

	Min	Sisihan Piawai	Minimum	Maksimum
Keinginan Untuk Berjaya	4.5883	.68324	1.00	5.00
Toleransi Ketidakpastian	4.5640	.71853	1.00	5.00
Bersikap Optimistik	4.5973	.71396	1.00	5.00
Berani Mengambil Risiko	4.5982	.72458	1.00	5.00
Kemahiran Mengesan Peluang	4.6200	.68473	1.00	5.00
Niat Keusahawanan	4.3659	.96932	1.00	5.00

4.5 Ujian Normaliti

4.5.1 Analisis Skewness dan Kurtosis

Jadual 6 menunjukkan hasil ujian statistik bagi menguji normaliti data. Hasil daripada ujian tersebut, Skewness adalah -1.815 menunjukkan bahawa taburan niat keusahawanan adalah condong ke kiri. Nilai Kurtosis adalah 2.887 menunjukkan bahawa taburan adalah sedikit platikurtik, dengan ekor yang lebih ringan daripada taburan normal, walaupun ia hampir dengan nilai mesokurtik iaitu 3. Secara ringkasnya, data menunjukkan kecondongan ke kiri dan penyimpangan sederhana daripada kenormalan maka data di anggap tidak normal.

Jadual 6 Analisis skewness dan kurtosis

Item	N	Min	Sisihan Piawai	Skewness	Kurtosis	Tafsiran
Niat keusahawanan	375	4.3659	0.96932	-1.815	2.887	Tidak Normal

4.5.2 Analisis Kolmogorov – Smirnov dan Shapiro Wilk

Data yang ditunjukkan dalam Jadual 7 menunjukkan keputusan ujian normaliti menggunakan ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk bagi pemboleh ubah min keseluruhan niat keusahawanan. Untuk ujian Kolmogorov-Smirnov, statistik ialah 0.272 dengan 375 darjah kebebasan, dan nilai-p yang berkaitan ialah 0.000. Ini menunjukkan bahawa taburan menyimpang dengan ketara daripada taburan normal. Begitu juga, ujian Shapiro-Wilk melaporkan statistik 0.705 dengan 375 darjah kebebasan dan nilai $p < 0.000$. Secara ringkasnya, kedua-dua

ujian normaliti Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk menunjukkan bahawa taburan min keseluruhan niat keusahawanan adalah tidak normal, kerana nilai-p adalah kurang daripada aras keertian konvensional iaitu 0.05.

Jadual 7 Analisis Kolmogorov - Smirnov dan Shapiro - Wilk

	Kolmogorov-Smirnov ^a			Shapiro-Wilk		
	Statistik	df	Sig.	Statistik	df	Sig.
Min keseluruhan niat keusahawanan	0.272	375	0.000	0.705	375	0.000

4.6 Analisis Korelasi

4.6.1 Analisis Spearman's rho

Korelasi antara keinginan untuk berjaya dan niat keusahawanan ialah 0.606 dan nilai $p < 0.01$. Jadi terdapat korelasi yang kuat dan positif antara keinginan untuk berjaya dan niat keusahawanan. Kolerasi positif yang kuat diperhatikan di antara pemboleh ubah ini, menunjukkan bahawa apabila satu pembolehubah meningkat, pemboleh ubah yang lain juga cenderung meningkat. Semua korelasi adalah signifikan secara statistik pada tahap 0.01. Sebagai contoh, min keseluruhan berani mengambil risiko menunjukkan korelasi positif yang kuat dengan min keseluruhan keinginan untuk berjaya, toleransi ketidakpastian, bersikap optimistik dan kemahiran mengesan peluang, mencadangkan corak pengaruh yang konsisten. Begitu juga, min keseluruhan niat keusahawanan mempamerkan korelasi positif yang sederhana dengan pemboleh ubah minda keusahawanan yang lain.

Jadual 8 Korelasi Spearman's rho

No.	Komponen Minda Keusahawanan	Nilai Pekali	
1.	Keinginan Untuk Berjaya	Correlation Coefficient	0.606**
		Sig. (2-tailed)	0.000
2.	Toleransi Ketidakpastian	Correlation Coefficient	0.603**
		Sig. (2-tailed)	0.000
3.	Bersikap Optimistik	Correlation Coefficient	0.627**
		Sig. (2-tailed)	0.000
4.	Berani Mengambil Risiko	Correlation Coefficient	0.643**
		Sig. (2-tailed)	0.000
5.	Kemahiran Mengesan Peluang	Correlation Coefficient	0.690**
		Sig. (2-tailed)	0.000

4.6.2 Analisis Hipotesis

Dalam bahagian ini, persoalan kajian yang ketiga berkenaan hubungan antara minda keusahawanan dan niat keusahawanan akan dijawab menerusi hipotesis kajian. Sampel data yang digunakan telah memenuhi andaian untuk menjalankan analisis korelasi iaitu data sampel adalah diambil secara kluster dan memenuhi syarat kenormalan data. Hipotesis yang telah dibentuk adalah seperti berikut:

H1: Minda keusahawanan mempunyai hubungan yang signifikan ke arah niat keusahawanan dalam kalangan pelajar dari UTHM.

H0: Minda keusahawanan mempunyai hubungan yang tidak signifikan ke arah niat keusahawanan dalam kalangan pelajar dari UTHM

Jadual 9 Tahap kekuatan hubungan minda keusahawanan terhadap niat keusahawanan

Pemboleh ubah	Pekali Korelasi	Signifikan	Tahap Kekuatan Hubungan
Keinginan untuk berjaya	0.606	0.00	Kuat
Toleransi ketidakpastiaan	0.603	0.00	Sederhana
Bersikap optimistik	0.627	0.00	Kuat
Berani mengambil risiko	0.643	0.00	Kuat
Kemahiran mengesan peluang	0.690	0.00	Kuat

Hasil daripada analisis berdasarkan sampel yang diambil dari populasi yang telah dikaji, terdapat korelasi yang kuat dan positif antara keinginan untuk berjaya, toleransi ketidakpastian, bersikap optimistik, berani mengambil risiko dan kemahiran mengesan peluang terhadap niat keusahawanan. Hal ini kerana, nilai $p < 0.05$ ($p = 0.0001$) yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah minda keusahawanan dengan niat keusahawanan di kalangan pelajar UTHM. Oleh itu, H1 diterima, manakala H0 adalah ditolak. Kajian bertajuk *Linking Entrepreneurial Intentions and Mindset Models: A Comparative Study of Public and Private Universities in Vietnam* oleh Viet Quoc Cao dan Tien Thanh Thi Ngo mengkaji hubungan antara model minda keusahawanan dan niat keusahawanan. Kajian ini mendapati kesan positif minda keusahawanan ke atas niat keusahawanan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa tahap pemikiran yang lebih tinggi dikaitkan dengan peningkatan aspirasi keusahawanan (Cao & Ngo, 2019). Selain itu, pelaksanaan minda keusahawanan juga mempamerkan kesan positif ke atas niat keusahawanan yang menekankan peranan penting minda dalam membentuk aspirasi keusahawanan pelajar. Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat bukti daripada penyelidikan pengkaji lain bahawa minda keusahawanan mempunyai hubungan yang signifikan ke arah niat keusahawanan dalam kalangan pelajar dari UTHM.

5. Perbincangan dan Kajian

5.1 Perbincangan

Objektif kajian pertama adalah untuk mengenal pasti tahap minda keusahawanan di kalangan pelajar dari UTHM. Analisis deskriptif telah digunakan untuk mengukur min dan sisihan piawai untuk menjawab objektif ini. Terdapat lima faktor yang dikaji iaitu keinginan untuk berjaya, toleransi ketidakpastian, bersikap optimistik, berani mengambil risiko dan kemahiran mengesan peluang.

Tahap minda keusahawanan bagi keinginan untuk berjaya adalah tinggi. Pelajar UTHM mempunyai keinginan untuk berjaya yang tinggi untuk sentiasa melakukan yang terbaik dan berusaha keras untuk memperbaiki prestasi diri. Pernyataan ini turut disokong melalui kajian yang dilakukan oleh Zeffane (2013) bahawa keinginan untuk berjaya menunjukkan faktor yang paling ketara dalam mempengaruhi potensi keusahawanan. Peranan penting keinginan untuk berjaya sangat penting dalam membentuk pelajar untuk memiliki niat keusahawanan. Selain itu, dapatan analisis menunjukkan tahap yang tinggi bagi faktor toleransi ketidakpastian dan bersikap optimistik. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar cenderung kekal tenang walaupun tidak pasti tentang tanggungjawab tugas dan tidak dapat mengikuti aliran pemikiran orang lain. Tambahan pula, pelajar juga perlu tahu berapa lama masa yang diambil untuk menyiapkan tugas. Tugas yang baik ialah tugas di mana apa yang perlu dilakukan dan bagaimana ia perlu dilakukan adalah jelas (Geller *et al.*, 1993).

Kemudian, faktor bersikap optimistik turut menunjukkan nilai keseluruhan min yang tinggi. Di dalam situasi yang tidak menentu, pelajar menjangkakan perkara baik untuk berlaku berbanding perkara buruk. Pemikiran yang positif dan optimistik ini memainkan peranan penting dalam mempengaruhi minda keusahawanan kerana menjadi seorang usahawan bukanlah sesuatu yang mudah. Hal ini turut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Crane (2014) bertajuk *Measuring and Enhancing Dispositional Optimism and Entrepreneurial Intent in the Entrepreneurial Classroom*.

Seterusnya, faktor berani mengambil risiko juga mempunyai nilai keseluruhan min yang tinggi. Majoriti pelajar menyatakan kecenderungan mengambil peluang meskipun berisiko gagal. Bukan itu sahaja, pelajar juga suka menunggu sehingga sesuatu telah diuji sebelum mencubanya dan sering mencari pengalaman baru walaupun hasilnya mungkin berisiko. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Hung *et al.*, (2012) bahawa hasil keputusan yang melibatkan pelbagai aspek risiko menjadi salah satu faktor yang dipengaruhi oleh minda keusahawanan. Faktor yang terakhir ialah kemahiran mengesan peluang. Faktor ini mempunyai min keseluruhan yang paling tinggi berbanding faktor yang lain. Ini menunjukkan bahawa tahap kemahiran pelajar dalam mengesan peluang adalah tinggi. Menurut Tang *et al.*, (2012) kemahiran mengesan peluang adalah nadi keusahawanan. Hal ini kerana, kemahiran mengesan peluang memfokuskan pada penerimaan maklumat baharu, kreativiti dan membuat keputusan berdasarkan logik.

Objektif kajian kedua adalah untuk mengenal pasti tahap niat keusahawanan di kalangan pelajar dari UTHM. Berdasarkan analisis deskriptif, responden secara puratanya menyatakan minat yang tinggi untuk memulakan perniagaan mereka sendiri. Bukan itu sahaja, secara purata keseluruhannya, pelajar UTHM menyatakan niat keusahawanan yang tinggi berdasarkan setiap item yang dinyatakan di dalam borang soal selidik. Penemuan ini disokong dari literatur di mana majoriti kajian empirikal mempunyai kesan yang positif dan signifikan terhadap niat keusahawanan seperti kajian oleh Sun *et al.*, (2023), di mana minda keusahawanan menjadi pengantara hubungan antara niat keusahawanan.

Objektif kajian yang ketiga adalah untuk mengenal pasti hubungan antara minda keusahawanan dan niat keusahawanan di kalangan pelajar dari UTHM. Hasil penemuan kajian mendapati terdapat hubungan atau korelasi yang kuat antara minda keusahawanan dengan niat keusahawanan. Hal ini kerana terdapat hubungan yang kuat dan positif antara minda keusahawanan dan niat keusahawanan menerusi hipotesis kajian yang dilakukan iaitu

nilai $p < 0.05$ ($p = 0.0001$) yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah minda keusahawanan dengan niat keusahawanan di kalangan pelajar UTHM. Oleh itu, H1 atau minda keusahawanan mempunyai hubungan yang signifikan ke arah niat keusahawanan dalam kalangan pelajar UTHM diterima, manakala H0 iaitu minda keusahawanan mempunyai hubungan yang tidak signifikan ke arah niat keusahawanan dalam kalangan pelajar dari UTHM adalah ditolak. Dapatan ini adalah selari dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Quoc Cao *et al.*, (2019) menunjukkan bahawa minda keusahawanan dapat mempengaruhi niat keusahawanan secara positif. Oleh itu, pengkaji yakin minda keusahawanan memainkan peranan yang penting dalam membentuk niat keusahawanan dalam kalangan pelajar.

5.2 Limitasi Kajian

Terdapat beberapa limitasi kajian yang dihadapi oleh pengkaji dari segi masa, limitasi secara dalaman dan luaran. Antara limitasi kajian ini adalah kekangan masa kerana jadual yang padat menyebabkan agak sukar untuk menyiapkan kajian di samping mengumpulkan 375 responden dalam masa yang singkat. Jadual yang padat menyebabkan kesuntukan masa untuk menyiapkan tugas pada masa yang telah dirancang supaya tidak berlaku sebarang kelewatan pada setiap proses pengumpulan data dan proses menganalisis data. Bukan itu sahaja, terdapat juga responden yang tidak mahu melengkapkan borang soal selidik atau percaya ia hanya membuang masa mereka. Malahan tanpa sebarang ganjaran atau faedah yang ketara untuk melengkapkan tinjauan, responden mungkin tidak melihat nilai dalam mendedikasikan masa mereka untuk menjawab borang soal selidik.

5.3 Cadangan kajian Pada Masa hadapan

Setiap kajian yang dilakukan memerlukan cadangan bagi memperbaiki mutu kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji lain pada masa hadapan. Berdasarkan kajian ini, antara cadangan yang boleh dilakukan berdasarkan limitasi kajian ialah tempoh yang diberikan untuk menyiapkan penyelidikan haruslah ditingkatkan. Tempoh masa yang lebih lama mampu membantu penyelidik lain menghasilkan dan menyiapkan penyelidikan yang lebih baik di samping mengurangkan tekanan mental dan emosi penyelidik. Selain itu, penyelidik lain boleh menggunakan teknik kualitatif bagi mengembangkan lagi kaedah penyelidikan untuk mendapatkan pandangan yang berbeza bagi setiap responden. Tambahan pula, maklumat mengenai hubungan antara minda keusahawanan dan niat keusahawanan boleh di tambah melalui kaedah kualitatif. Pengkaji lain juga boleh menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan maklumat secara langsung daripada responden dan boleh memperoleh maklumat, idea dan perspektif setiap responden.

5.4 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap dan hubungan antara minda keusahawanan dan niat keusahawanan di kalangan pelajar dari UTHM yang terletak di Parit Raja. Kajian ini dijalankan dengan mengedarkan borang soal selidik secara atas talian kepada 375 sasaran pelajar daripada 14,833 populasi pelajar di kampus induk UTHM. Kajian ini telah berjaya mencapai objektif dan persoalan kajian. Secara keseluruhan kajian, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa terdapat hubungan yang kuat dan positif antara minda keusahawanan dengan niat keusahawanan dari kalangan pelajar UTHM. Data berbentuk statistik ini boleh digunakan oleh pelajar dan penyelidik – penyelidik lain untuk memahami pemboleh ubah yang dapat memberikan kesan untuk meningkatkan minat dan keinginan pelajar untuk memulakan perniagaan dan menceburi bidang keusahawanan.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia untuk segala sokongan yang diberi.

Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa tidak ada konflik kepentingan mengenai penerbitan kertas ini. Pengkaji

Sumbangan Penulis

Penulis dan pengkaji mengesahkan tanggungjawab sepenuhnya untuk perkara berikut: konsep dan reka bentuk kajian: N.S.A.R dan A.Z.A.; pengumpulan data, analisis dan tafsiran keputusan: N.S.A.R; penyediaan manuskrip: N.S.A.R dan A.Z.A. Semua pengarang menyemak keputusan dan meluluskan versi akhir manuskrip.

Rujukan

- Anwar, I., & Saleem, I. (2019). Exploring Entrepreneurial Characteristics Among University Students: An Evidence From India. *Asia Pacific Journal of Innovation and Entrepreneurship*, 13(3), 282–295. <https://doi.org/10.1108/apjie-07-2018-0044>
- Ayob, M., & Mohd Shahren, N. (2023, Februari 23). Keusahawanan lestari bantu atasi cabaran sosial, tingkat kualiti hidup. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2023/02/1068123/keusahawanan-lestari-bantu-atasi-cabaran-sosial-tingkat-kualiti>
- Cardella, G. M., Hernández-Sánchez, B. R., & Sánchez-García, J. C. (2020). Women Entrepreneurship: A Systematic Review to Outline the Boundaries of Scientific Literature. *Frontiers in Psychology*, 11. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.01557>
- Crane, F. G. (2014). Measuring and enhancing dispositional optimism and entrepreneurial intent in the entrepreneurial classroom: A Bahamian study. *Journal of the Academy of Business*
- Davis, M. H., Hall, J. A., & Mayer, P. S. (2016). Developing a new measure of entrepreneurial mindset: Reliability, validity, and implications for practitioners. *Consulting Psychology Journal*, 68(1), 21–48. <https://doi.org/10.1037/cpb0000045>
- DeNoble, A. F., Jung, D., & Ehrlich, S. B. (1999). Entrepreneurial self-efficacy: the development of a measure and its relationship to entrepreneurial action. *frontiers of entrepreneurship research. Proceedings of the 19th Annual Entrepreneurship Research Conference*, 73–87.
- Dweck Ellen L Leggett, C. S., Cain, K., Clore, G., Erdley, C., Markman, E., Nicholls, J., Rodin, J., Smiley, P., Wyer, R., & Dweck, S. (1988). *Psychological Review A Social-Cognitive Approach to Motivation and Personality* (Vol. 95, Issue 2). Psychological Association, Inc. Education, 15, 94–104.
- Esfandiar, K., Sharifi-Tehrani, M., Pratt, S., & Altinay, L. (2019). Understanding entrepreneurial intentions: A developed integrated structural model approach. *Journal of Business Research*, 94, 172–182. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2017.10.045>
- Geller, G., Tambor, E. S., Chase, G. A., & Holtzman, N. A. (1993). Measuring Physicians' Tolerance for Ambiguity and its Relationship to Their Reported Practices Regarding Genetic Testing. *Medical Care*, 31(11). https://journals.lww.com/lwwmedicalcare/Fulltext/1993/11000/Measuring_Physicians_Tolerance_for_Ambiguity_and.2.aspx
- Haynie, J. M., Shepherd, D., Mosakowski, E., & Earley, P. C. (2010). A situated metacognitive model of the entrepreneurial mindset. *Journal of Business Venturing*, 25(2), 217–229. <https://doi.org/10.1016/j.jbusvent.2008.10.001>
- Hung, K.-T., Tangpong, C., Li, J., & Li, Y. (2012). Robustness of General Risk Propensity Scale in Cross-cultural Settings. *Journal of Managerial Issues*, 24(1), 78–96. <http://www.jstor.org/stable/43488124>
- Israr, M., & Saleem, M. (2018). Entrepreneurial intentions among university students in Italy. *Journal of Global Entrepreneurship Research*, 8(1). <https://doi.org/10.1186/s40497-018-0107-5>
- Johnson, V.D. (2009). Growth Mindset as a Predictor of Smoking Cessation. <https://engagedscholarship.csuohio.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1147&context=etdarchive>
- Kouakou, K. K. E., Li, C., Akolgo, I. G., & Tchamekwen, A. M. (2019). Evolution View of Entrepreneurial Mindset Theory. *International Journal of Business and Social Science*, 10(6). <https://doi.org/10.30845/ijbss.v10n6p13>
- Krueger, N. F., Reilly, M. D., & Carsrud, A. L. (2000). Competing Models Of Entrepreneurial Intentions. In *Journal of Business Venturing* (Vol. 15). [https://doi.org/10.1016/S0883-9026\(98\)00033-0](https://doi.org/10.1016/S0883-9026(98)00033-0)Get rights and content

- Lladós-Masllorens, J., & Ruiz-Dotras, E. (2022). Are women's entrepreneurial intentions and motivations influenced by financial skills? *International Journal of Gender and Entrepreneurship*, 14(1), 69–94. <https://doi.org/10.1108/IJGE-01-2021-0017>
- Longobardi, C., Nadelson, L. S., Murad, M., Zhang, J., Sun, J., & Shi, J. (2023). From entrepreneurship education to entrepreneurial intention: Mindset, motivation, and prior exposure. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2023.954118>
- Ma, Dolores C. Tongco. (2007). Purposive Sampling as a Tool for Informant Selection. *A Journal of Plants, People, and Applied Research*. <https://core.ac.uk/download/5093226.pdf>
- McGrath, G. R., & MacMillan, J. (2000). *Entrepreneurial Mindset: Strategies for Continuously Creating Opportunity in an Age of Uncertainty*. Harvard Business School Press Books.
- Mohamad, H. F. (2021). Usahawan Perlu Berubah Menerima Pendigitalan. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/10/766504/usahawan-perlu-berubah-menerima-pendigitalan>
- Ngoc Khuong, M., & Huu An, N. (2016). The Factors Affecting Entrepreneurial Intention of the Students of Vietnam National University — A Mediation Analysis of Perception toward Entrepreneurship. *Journal of Economics, Business and Management*, 4(2), 104–111. <https://doi.org/10.7763/joebm.2016.v4.375>
- Pfeifer, S., Šarlija, N., & Zekić Sušac, M. (2016). Shaping the Entrepreneurial Mindset: Entrepreneurial Intentions of Business Students in Croatia. *Journal of Small Business Management*, 54(1), 102–117. <https://doi.org/10.1111/jsbm.12133>
- Quoc Cao, V., Thanh Thi Ngo, T., & Chi Minh City Cadre Academy, H. (2019). Linking Entrepreneurial Intentions and Mindset Models: A Comparative Study of Public and Private Universities in Vietnam. *Gadjah Mada International Journal of Business*, 21(2), 115–133. <http://journal.ugm.ac.id/gamaijb>
- Schmidt, A. M., & Ford, J. K. (2003). Learning Within A Learner Control Training Environment The Interactive Effects Of Goal Orientation And Metacognitive Instruction On Learning Outcomes. In *Personnel Psychology* (Vol. 56).
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research Methods for Business: A skill-building Approach*, 7th Ed. (7th ed.). John Wiley & Sons Ltd.
- Singh, M. S. (2015). "Sustainable livelihood Approach to Poverty Alleviation-An Impact Assessment of MGNREGA in tribal districts of Madhya Pradesh" View project. <https://www.researchgate.net/publication/335189813>
- Slevitch, L. (2011). Qualitative and Quantitative Methodologies Compared: Ontological and Epistemological Perspectives. *Journal of Quality Assurance in Hospitality & Tourism*, 12, 73–81. <https://doi.org/10.1080/1528008X.2011.541810>
- Sun, J., Shi, J., & Zhang, J. (2023). From entrepreneurship education to entrepreneurial intention: Mindset, motivation, and prior exposure. *Frontiers in Psychology*, 14, 954118. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2023.954118>
- Tang, J., Kacmar, K. M. M., & Busenitz, L. (2012). Entrepreneurial alertness in the pursuit of new opportunities. *Journal of Business Venturing*, 27(1), 77–94. <https://doi.org/10.1016/j.jbusvent.2010.07.001>
- Thompson, E. R. (2009). Individual Entrepreneurial Intent: Construct Clarification and Development of an Internationally Reliable Metric.
- Zanariah Abd Mutalib. (2017, Julai 25). KPT Perkenal Modul Baharu Kursus Keusahawanan. *Berita Harian*. <https://beta.bharian.com.my/berita/nasional/2017/07/305617/kpt-perkenal-modul-baharu-kursus-keusahawanan>

Zeffane, R. (2013). Need For Achievement, Personality And Entrepreneurial Potential: A Study Of Young Adults In The United Arab Emirates. *Journal of Enterprising Culture*, 21(01), 75-105. <https://doi.org/10.1142/s0218495813500040>